


SUSULAN BH BONGKAR ISU HUTAN SIMPAN KEKAL TERANCAM



HSK perlu dipertahan demi kepentingan generasi masa hadapan.

HSK dijamin tidak jadi 'mangsa cabul'


➔ Ketua Setiausaha Negara janji tiada lagi pembangunan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan, Ahmad Suhael Adnan dan Fahmy Azril Rosli
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Hutan Simpan Kekal (HSK) sekitar ibu negara yang kini hanya berbaki kira-kira 68 hektar, akan dipertahankan daripada ancaman pembangunan pada masa depan.

Jaminan itu diberikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa berikutan pendedahan akhbar *BH* berhubung pencabulan HSK di sekitar ibu negara atas



Ali Hamsa

nama pembangunan dan perniagaan, terutama oleh syarikat pe-
maju.

Jamin tiada pembangunan

Beliau memaklumkan perkara itu kepada wartawan *BH* yang menghubunginya semalam untuk mendapatkan reaksi kerajaan berhubung pendedahan berkenaan.

Ali memberi jaminan tidak membenarkan mana-mana pihak memajukan baki kawasan yang sudah diwartakan sebagai HSK.

Serentak itu, Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) akan diarah mengemukakan laporan berhubung rizab HSK sekitar Kuala Lum-

pur yang sudah dibangunkan tetapi gagal diganti mengikut undang-undang.

"Status tanah dua kawasan itu perlu diperiksa terlebih dahulu. Jika berstatus hutan kekal, memang (pembangunan) tidak akan diluluskan," katanya.

Beliau diminta mengulas pendedahan bersiri *BH* sejak Sabtu lalu, berhubung baki HSK sekitar Kuala Lumpur seluas 68.27 hektar, khususnya sekitar Bukit Sungai Puteh dan Bukit Nanas, yang diintai pemaju untuk dibangunkan dengan projek pembangunan bercampur dan resort mewah.